

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah intipati memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor serta bagaimanakah pelaksanaan LRAL2 dapat mengelakkan krisis bekalan air yang dijangka berlaku pada masa mendatang bagi menampung permintaan air terutamanya bermula pada tahun 2017.

## JAWAPAN

1. Memorandum Persefahaman Berhubung Penstrukturan Semula Industri Bekalan Air Selangor yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014 menggariskan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri tersebut. Melalui MoU ini, Kerajaan Persekutuan akan menjadi pemudah cara bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor. Dengan komitmen yang diberikan oleh kedua-dua pihak di dalam MoU tersebut, adalah diharapkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor dapat dimuktamadkan dalam waktu terdekat ini.
2. Melalui pemeeteraian MoU ini juga, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan 6 Kebenaran Merancang bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) memulakan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) yang merupakan sebahagian daripada Skim Bekalan Air dari Pahang ke

Selangor bagi menjamin bekalan air masa hadapan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan negeri Selangor. Dengan siapnya LRAL2 pada tahun 2017, kapasiti bekalan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan dapat ditingkatkan sebanyak 1,130 juta liter sehari (JLH) dan dapat menjamin bekalan air sehingga tahun 2025.

\*\*\*\*\*

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM  
[ KUALA SELANGOR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai pendapatan tidak munasabah berbanding jenis pekerjaan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 dimana rekod PTPTN menunjukkan jururawat berdaftar boleh menjana pendapatan sehingga RM27 juta setahun manakala kerani memperoleh pendapatan tahunan sebanyak RM34.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Data maklumat pekerjaan dan pendapatan ibu bapa/penjaga tersebut diisi oleh pelajar semasa memohon pinjaman dan ianya tidak menjejaskan proses sedia ada. Berdasarkan pendapatan yang dinyatakan, Sistem Pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) iaitu ELMAS-*i* akan menentukan jumlah pinjaman mengikut kadar yang ditetapkan. Kadar penuh untuk pendapatan tidak melebihi RM 4,000, kadar sebahagian untuk pendapatan melebihi RM 4,000 hingga RM 5,000 dan kadar yuran untuk pendapatan melebihi RM 5,000. Oleh itu, pinjaman pelajar akan diluluskan mengikut kadar pinjaman yang telah ditetapkan oleh sistem berdasarkan pendapatan yang telah diisi.

Walau bagaimanapun, PTPTN akan menambah baik proses permohonan pembiayaan PTPTN dengan memperkenalkan julat pendapatan atau penggunaan data Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk mendapatkan maklumat pendapatan Ibu Bapa/Penjaga

yang lebih tepat. Dengan ini, kesilapan maklumat pendapatan Ibu Bapa/Penjaga yang diisi oleh pelajar dapat dikawal.

Rt79